Publication: Berita Harian, Pg 1

Date: 26 September 2023

Headline: Laws needed to protect victims of online harms: Shanmugam

Undang-undang perlu diperluas lindungi mangsa bahaya dalam talian: Shanmugam

Langkah bagi bantu mangsa ambil tindakan, lindungi diri memandangkan Internet pesat berubah

> ➤ SITI AISYAH NORDIN naisyah@sph.com.sq

Undang-undang perlu diperluas bagi membolehkan mangsa kandungan berbahaya dalam talian mengambil tindakan dan melindungi diri, kata Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, pada Isnin.

Meskipun Singapura menguatkuasakan Akta Perlindungan daripada Gangguan (Poha), yang bertujuan melindungi individu daripada gangguan secara fizikal dan dalam talian, terdapat gangguan dalam talian yang mungkin tidak terangkum di bawah undang-undang itu, terang beliau.

Encik Shanmugam menambah bahawa ini memandangkan Internet berubah dengan begitu pesat, contohnya kemunculan 'deepfakes' iaitu gambar atau video yang diubah menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Beliau berkata demikian dalam ucapannya semasa pembukaan Simposium Bahaya Dalam Talian yang berlangsung selama tiga hari di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), yang menghimpunkan peguam, pendidik serta pihak berkepentingan lain dalam industri untuk membincangkan topik-topik termasuk gangguan dalam talian, 'deepfakes' dan 'cancel culture'.

'Cancel culture' merupakan budaya menyerang reputasi seseorang disebabkan sesuatu yang dilakukannya tidak boleh diterima sekumpulan pengkritik.

Keperluan mempertingkat keselamatan dalam talian ini semakin mustahak dengan berkembangnya gangguan AI, tegas Encik Shanmugam.

Beliau merujuk kepada contoh penghasilan imej bogel menggunakan teknologi AI berdasarkan gambar gadis di bandar Sepanyol, Almendralejo, yang dilaporkan *BBC* pada Ahad.

Ini susulan tersebarnya gambar-gambar itu di media sosial tanpa pengetahuan mangsa.

Encik Shanmugam turut memberi contoh hasil tinjauan yang dikeluarkan baru-baru ini mengenai kandungan berbahaya dalam talian yang dialami warga Singapura, sambil menyatakan data tersebut "membuka mata terhadap realiti sebenar".

Tinjauan oleh pertubuhan tidak meraih untung, SHE, yang dikeluarkan pada September, menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya tiga dalam lima responden mengalami gangguan dalam talian atau mengenali seseorang yang mengalami perkara tersebut.

Beliau turut memberi contoh kes penderaan seksual berdasarkan imej, apabila gambar peribadi mangsa di-



PERLU PERHALUSI UNDANG-UNDANG: Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, berkata undang-undang Singapura perlu diperhalusi demi melindungi mangsa bahaya dalam talian. –

letakkan dalam talian tanpa kebenaran oleh individu yang tidak dapat dikenal pasti.

Mangsa tersebut boleh melaporkan perkara itu kepada polis, namun siasatan akan mengambil masa, ujar-

"Pilihan lain mungkin tersedia. Namun, peguam di sini sedar bahawa terdapat ketidaktentuan dari segi undang-undang, dan untuk membawa kes tersebut ke mahkamah memerlukan masa dan wang.

"Sementara itu, imej-imej tersebut akan disebar secara meluas. Mangsa sudah pun terkesan – dari segi kesihatan mental, reputasi, hubungan... semuanya akan terjejas.

"Jika pelaku ditemui dan dibawa ke muka pengadilan sekalipun, imej tersebut mungkin masih tersebar dalam talian. Anda juga boleh bayangkan senario lain," katanya.

Encik Shanmugam turut menimbulkan persoalan sama ada masyarakat sudah melakukan sedaya mungkin dalam usaha melindungi mangsa bahaya dalam talian serta memikirkan huraian yang berkesan.

Katanya: "Anda tidak boleh biarkan generasi muda membesar dengan isu-isu ini. Ia, antara lain, mungkin menjejas kesihatan mental dengan teruk."

Singapura telah mengambil langkah menangani bahaya dalam talian, termasuk melalui Akta Keselamatan Dalam Talian (Pelbagai Pindaan) yang berkuat kuasa pada Februari dan membolehkan pihak berkuasa mengeluarkan arahan kepada wadah media sosial supaya menghapuskan kandungan berbahaya, termasuk kiriman media sosial yang menggalak perbuatan bunuh diri, eksploitasi seksual kanak-kanak dan pengganasan.